

## **PERSPEKTIF AL-QUR'AN TERHADAP AMALAN KEWANGAN KONVENSIONAL: ANALISIS PERBANDINGAN BERKAITAN RIBA DAN KADAR FAEDAH PERBANKAN**

**Ab Rahim Ibrahim<sup>1</sup>**

### **Abstrak**

Faedah yang menjadi teras kepada amalan perbankan konvensional moden merupakan perkara yang dilarang dalam ajaran Islam menurut perspektif al-Qur'an dan ia tidak boleh wujud sama sekali dalam amalan kewangan Islam. Merujuk kepada sejarah panjang urusan kewangan sepanjang zaman, memberi atau mengenakan kadar faedah telah menjadi amalan yang sebatik dalam kehidupan manusia sama ada di pihak individu atau institusi. Amalan ini telah bermula sejak sekian lama sebelum manusia mengenali wang sebagai alat pertukaran atau penentu nilai serta simpanan masa hadapan. Ia berlaku dalam urusan yang melibatkan matawang dan komoditi dalam bentuk hutang atau jual beli (pertukaran). Menurut perspektif al-Qur'an pengharaman ini adalah muktamad walaupun proses pengharaman tersebut berlaku secara berperingkat melalui empat (4) fasa berdasarkan tempoh penurunan ayat yang berkaitan larangan tersebut. Pengharaman ini juga adalah menyeluruh yang memberikan kesan larangan secara mutlak kepada semua amalan kadar faedah termasuk apa yang dilaksanakan oleh institusi perbankan konvensional semasa. Untuk itu, riba atau faedah perlu difahami dengan betul supaya urusan kewangan yang dilaksanakan menepati prinsip-prinsip syariah. Perspektif al-Qur'an telah memberikan gambaran yang jelas berkaitan riba yang diharamkan dan menunjukkan jalan penyelesaian yang praktikal melalui pelaksanaan urusan jual beli.

**Kata kunci:** *kewangan dan perbankan Islam, perbankan konvensional, riba dan kadar faedah, amalan kadar faedah, analisis perspektif al-Qur'an.*

---

<sup>1</sup> Penulis adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Islam dan Kemanusiaan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Ini adalah artikel terkini yang disemak dari idea-idea yang terdapat dalam sub-topik perbincangan tesis Doktor Falsafah penulis: Ab Rahim Bin Ibrahim, "Riba dan Ribh Menurut Kewangan Islam: Mekanisme Penentuan Kadar Keuntungan Pembiayaan Jangka Panjang dalam Perbankan Islam", Tesis (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2013).

## **QUR'ANIC PERSPECTIVE ON CONVENTIONAL BANKING PRACTICES: COMPARATIVE ANALYSIS RELATED TO USURY (RIBA) AND BANKING INTEREST RATES**

### **Abstract**

Interest that form as a core to modern conventional banking practices is prohibited in Islamic teachings according to the Qur'anic perspective and it may not exist at all in Islamic financial practice. Referring to the long history of financial transactions all over the time, giving or imposing interest rates has become a common practice in human life either on the side of individual or institution. This practice has begun so long times ago before humans recognize money as a medium of exchange, measure of value and future savings. It occurs in transactions involving currencies and commodities in the form of debt or sale (exchange). According to the perspective of al-Qur'an, the forbidden is final although the forbidden process is happening in stages through four (4) phases based on the period of revelation related to the prohibition. This prohibition is also comprehensive that imposes absolute prohibition on all interest rate practices including what is being practiced by current conventional banking institutions. For that, *riba* or interest should be properly understood, so that the implementation of financial transactions accurate to the principles of shariah. The perspective of the Qur'an has given a clear picture of the prohibition of usury (*riba*) and shows a practical solution through the execution of a sale and purchase transaction.

**Keywords:** *Islamic banking and finance, conventional banking, usury (riba) and interest rates, interest rates practice, Qur'anic perspective analysis.*

### **PENDAHULUAN**

Menurut perspektif al-Qur'an, unsur keredaaan perlu wujud dalam amalan perniagaan dan pelaksanaan sesuatu transaksi urusan di pihak-pihak yang terlibat. Keredaaan ini perlu dizahirkan sama ada di pihak yang membuat tawaran atau penerima tawaran. Kewujudan unsur reda akan membolehkan sesuatu transaksi urusan diterima dan dapat menghasilkan kesan-kesan yang sepatutnya dari aspek perundangan syari'ah. Walaupun begitu kewujudan unsur keredaaan dalam kes-kes tertentu tidak menjadi faktor penentu untuk keabsahan pelaksanaan sesuatu transaksi urusan. Ia merujuk kepada transaksi dalam urusan kewangan yang melibatkan hutang (pinjaman kewangan) atau jual beli secara hutang dengan mengenakan kadar faedah. Selain daripada hutang, urusan pelaburan yang menjanjikan kadar faedah juga adalah sama seperti urusan hutang (pinjaman wang). Oleh itu, amalan faedah sebagaimana yang dilaksanakan dalam sistem kewangan moden hari ini adalah termasuk dalam kategori *riba* yang diharamkan oleh al-Qur'an.

Persoalan *riba* serta pengamalannya dalam sistem kewangan konvensional moden perlu dilihat secara mendalam untuk mendapatkan gambaran yang jelas mengenainya walaupun dengan penggunaan jenama yang pelbagai. Secara umumnya *riba* yang merujuk kepada lebihan yang terhasil daripada modal asal wang, sama sahaja konsepnya dari dahulu hingga sekarang sama ada sebelum penurunan al-Qur'an atau selepasnya. Ini kerana asas persoalan yang dibincangkan bagi terma ini adalah tambahan atau lebihan yang diperolehi dalam bentuk wang, barangan atau kemanfaatan. Walaupun konsepnya tidak berubah, tetapi pengamalan dan penjenamaannya mungkin akan berubah mengikut perubahan masa dan tempat serta keadaan. Oleh itu, konsep *riba* yang tidak berubah dan amalan serta jenamanya yang mungkin berubah-ubah perlu diberikan penekanan untuk mendapatkan gambaran sebenar mengenainya. Untuk itu, apa yang perlu dilihat merujuk kepada kaedah pengamalan *riba*, bentuk pengamalannya, kesan-kesan pengamalan dan perkara-perkara lain dalam urusan yang berkaitan dengannya.

## DEFINISI RIBA

Menurut Ibn Manẓūr (2017), riba adalah perkataan Arab yang bermaksud sesuatu yang bertambah dan membiak. Merujuk kepada pandangan al- Bustāniy (2016), ia bermaksud bertambah dan berkembang atau lebih. Pengertian ini memberikan gambaran bahawa semua bentuk tambahan, sesuatu yang berkembang atau lebih dari jumlah asal, bentuk asal atau keadaan asal sesuatu benda termasuk dalam pengertian riba dari segi bahasa. Ia boleh berlaku dengan sendiri tanpa melibatkan pihak lain atau melalui pelaksanaan urusan niaga tertentu yang melibatkan dua pihak atau lebih.

Dari segi pengertiannya, perkataan riba telah sedia dimaklumi dan ia diguna pakai oleh orang-orang Arab sebelum kedatangan Islam dengan maksud bertambah, berkembang atau lebih dalam urusan harian mereka, urusan perniagaan dan sebagainya. Oleh itu, penggunaannya menurut perundangan dan kewangan Islam sebagai satu istilah yang mempunyai pengertian yang khusus bukanlah satu perkara baru sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Rasyīd Ridā (2016) dalam tulisannya bagi menjelaskan persoalan ini. Seterusnya bagi memahami maksud serta amalan-amalan yang termasuk dalam pengertian riba untuk perbincangan ini, ia perlu dirujuk kepada beberapa pengertian yang difokus secara khusus kepadanya melalui pengertian menurut al-Qur'an.

### Riba Menurut al-Qur'an

Penggunaan perkataan riba dalam al-Qur'an membawa pengertian yang khusus berdasarkan sebab penurunannya dan masa ia diturunkan. Pengertian ini akan memberikan kesan dalam menentukan hukum pengamalannya sebagaimana yang telah disabitkan secara *qat'iy* oleh al-Qur'an melalui ayat-ayat yang merujuk kepada larangannya. Selain daripada pengharaman amalan riba sebagaimana yang telah dinyatakan oleh al-Qur'an merujuk kepada ayat-ayat yang berkaitan larangannya, satu persoalan lain yang perlu difahami adalah, bagaimana proses pengharaman ini berlaku?

Menurut al- Šābūniy (2015), proses pengharaman riba menurut perspektif al-Qur'an berlaku secara beransur-ansur melalui empat (4) fasa:

- i) Ia bermula dengan kenyataan al-Qur'an yang memberikan gambaran mengenai orang-orang yang mengamalkan riba, bahawa mereka tidak akan mendapat sebarang kebaikan dari pengamalan tersebut.
- ii) Seterusnya melalui penurunan ayat yang menjelaskan bahawa pengamalan riba adalah satu kesalahan dan ia juga merupakan amalan salah yang tidak dibenarkan kepada golongan Yahudi sebagaimana larangan yang telah dirakamkan oleh Allah berkaitan dengannya.
- iii) Setelah itu al-Qur'an melarang pengamalan riba yang dilakukan secara melampau (berlebih-lebihan) sahaja dan dalam masa yang sama mengharuskan pengambilan riba pada kadar yang rendah dengan jumlah yang sedikit.
- iv) Seterusnya proses terakhir pengharaman ini dimuktamadkan dengan larangan secara menyeluruh menerusi perintah supaya meninggalkan semua amalan riba tanpa mengira kadar atau jumlahnya sama ada pada tahap yang tinggi atau sebaliknya.

Ayat-ayat yang menerangkan mengenai pengharaman riba serta empat (4) fasa pengharaman tersebut adalah seperti berikut:-

**Fasa pertama-** gambaran ayat yang menerangkan mengenai pengamalan sesuatu transaksi dengan motif untuk mendapatkan pulangan tambahan (riba) sebagaimana yang biasa dilaksanakan dalam kalangan masyarakat Makkah. Walaupun mereka memperolehi pulangan tambahan dari transaksi yang dilaksanakan, tetapi sebenarnya ia tidak memberikan sebarang kelebihan atau penambahan dalam bentuk kebaikan di sisi Allah.

Firman Allah:

وَمَا آتَيْتُمْ مِّن رَّبًّا لِّيَرْبُوَ فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يَرْبُو عِنْدَ اللَّهِ وَمَا آتَيْتُمْ مِّن زَكَاةٍ  
تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُضْعِفُونَ

*Maksudnya: Dan (ketahuilah bahawa) sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan supaya bertambah kembangnya ia pada harta manusia maka ianya tidak sesekali berkembang di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan). Dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan untuk mendapatkan keredaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukannya itulah orang yang beroleh pahala berganda-ganda.*

*al-Rūm (30):3*

Menurut al-Zuhayliy (2014), ayat ini menerangkan mengenai amalan yang biasa dilaksanakan dalam kalangan masyarakat Makkah iaitu dengan mereka memberikan sesuatu sebagai pinjaman (hutang) atau hadiah (*hibah*) dengan motif supaya penerimanya membayar semula hutang tersebut atau membalas hadiah yang diberikan dengan jumlah yang melebihi dari apa yang telah diberikan sebelumnya sama ada pulangan tersebut dalam bentuk barangan atau wang.

Secara asasnya, ayat bagi fasa pertama dalam proses pengharaman riba ini merupakan ayat *Makkiyyah* dan ia diturunkan ketika Rasulullah S.A.W berada bersama-sama dengan golongan musyrikin. Pada masa tersebut baginda menggalakkan mereka supaya melakukan kebajikan dan menjauhkan diri dari melakukan perkara-perkara boleh menimbulkan kesukaran kepada orang lain. Menurut nukilan al-Jawziy (2014) berdasarkan pandangan para sarjana tafsir, perkataan riba dalam ayat tersebut membawa empat pengertian:-

- i) Pandangan Ibn 'Abbās, Sa'īd ibn Jubayr, Mujāhid, Dahhāk dan Qatādah, mereka menyatakan bahawa perkataan riba dalam ayat tersebut bermaksud amalan memberikan sesuatu barangan kepada orang lain sebagai hadiah dengan motif untuk mendapatkan balasan yang lebih bernilai dari pemberiannya.
- ii) Menurut pandangan al-Hasan al-Baṣriy, ia bermaksud riba iaitu bayaran tambahan yang diperolehi dari urusan hutang sama seperti apa yang telah diharamkan oleh syarak.
- iii) 'Abd Allah ibn 'Abbās dan al-Nakhā'iy pula berpendapat bahawa perkataan riba tersebut merujuk kepada amalan seseorang apabila ia memberikan sesuatu yang berbentuk harta kepada ahli keluarganya, ia mengharap dengan pemberian itu akan menghasilkan kekayaan (Abu Ḥayyān, 2013).
- iv) Pendapat al-Sya'biy menyatakan, ia bermaksud memberikan sesuatu kepada orang lain sebagai balasan kesan dari perkhidmatan yang telah diberikan oleh orang tersebut dan pemberian tersebut bukannya ikhlas kerana Allah.

Kefahaman secara umum dari pengertian perkataan riba dalam ayat fasa pertama ini merujuk kepada amalan memberikan harta (oleh golongan kaya kepada golongan miskin yang memerlukan) dengan motif untuk mendapat pulangan yang lebih. Amalan seperti ini dan lebih (riba) yang terhasil daripadanya belum lagi dihukumkan haram. Sebaliknya ia hanya merupakan satu peringatan negatif (*maw'izah salbiyyah*) daripada Allah yang menggambarkan bahawa amalan tersebut tidak memberikan sebarang nilai tambah kebaikan berbentuk ganjaran atau pahala di sisi Allah kerana ia adalah amalan yang buruk dan tidak diberkati Allah (al- Ṣābūniy, 2015).

Oleh itu, merujuk kepada ayat ini berdasarkan perspektif al-Qur'an berkaitan amalan kewangan konvensional yang membuat keuntungan dari urusan kewangan menunjukkan kewujudan motif untuk mengenakan bayaran tambahan atau memberikan lebih pulangan. Secara pengamalannya institusi kewangan dan perbankan konvensional akan mengenakan bayaran tambahan kepada peminjam dalam urusan hutang dan akan memberikan lebih pulangan. dalam bentuk kadar faedah kepada pendeposit. Pelaksanaan amalan memberi dan mengenakan kadar faedah menepati apa

yang telah dinyatakan oleh al-Qur'an kerana pihak institusi tidak akan memberikan pinjaman tanpa mengenakan kadar faedah dan pulangan yang diberikan kepada pendeposit adalah kerana wang tersebut dapat digunakan untuk memberikan pinjaman bagi membolehkan pihak institusi membuat keuntungan.

**Fasa kedua-** gambaran ayat yang mengharamkan amalan riba menerusi rakaman amalan golongan Yahudi yang melaksanakan urusan hutang dengan mengenakan riba sedangkan mereka telah dilarang dari melakukan amalan tersebut. Keterangan al-Qur'an juga menggambarkan amalan tersebut merupakan cara yang salah bagi mendapatkan hasil bayaran tambahan dari pihak lain dan Allah menjanjikan balasan azab yang menyakitkan kepada orang yang melakukannya di akhirat kelak.

Firman Allah:

وَأَخَذِهِمُ الرِّبَا وَقَدْ نُهُوا عَنْهُ وَأَكْلِهِمْ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ وَأَعْتَدْنَا لِلْكَافِرِينَ مِنْهُمْ  
عَذَابًا أَلِيمًا

*Maksudnya: Dan juga (disebabkan) mereka mengambil riba padahal mereka telah dilarang melakukannya dan (disebabkan) mereka memakan harta orang lain dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya). Dan ingatlah Kami telah menyediakan bagi orang-orang kafir di antara mereka azab siksa yang tidak terperi-peri sakitnya.*

*al-Nisā'(4): 161*

Penurunan ayat ini merujuk kepada konteks Madinah kerana sejarah telah membuktikan bahawa golongan Yahudi merupakan antara kumpulan etnik yang menjadi penduduk kota Madinah sebelum berlakunya peristiwa hijrah. Ayat ini merupakan satu peringatan daripada al-Qur'an terhadap orang-orang yang beriman mengenai perlakuan buruk golongan Yahudi yang melaksanakan urusan riba secara riba walaupun amalan tersebut telah diharamkan kepada mereka. Walaupun ayat ini menjelaskan tentang larangan urusan riba, penurunan ayat ini kepada umat Islam tidak boleh dijadikan sebagai dalil yang *qat'iy* (muktamad) untuk mengharamkan amalan riba kepada mereka.

Berdasarkan ayat ini, amalan riba yang diharamkan oleh Allah kepada golongan Yahudi akan merujuk kepada kenyataan-kenyataan yang terdapat dalam kitab *Tawrah* mereka (*Old Testament* atau Perjanjian Lama). Amalan ini melibatkan urusan riba yang berlaku dalam kalangan sesama mereka iaitu golongan Yahudi atau dengan bangsa lain (al-Sābūniy, 2016). Oleh itu merujuk kepada *Old Testament* (Perjanjian Lama) yang sedia ada sekarang dalam versi bahasa Inggeris, perkataan *al-ribā* tersebut bolehlah diberikan beberapa pengertian (Ab Mumin, 1996):

- i) Bayaran tambahan atau lebihan yang dikenakan terhadap golongan miskin dalam semua urusan hutang tanpa pengecualian sama ada yang melibatkan pinjaman wang atau barangan (jual beli) yang dilaksanakan sesama mereka dalam kalangan orang Yahudi. Perjanjian Lama menyatakan:

*If thou lend money to any of my people that is poor by thee, thou shalt not be to him as an usurer, neither shalt thou lay upon him usury.*

*Maksudnya: Jika engkau meminjamkan wang kepada mana-mana umatku yang miskin, engkau tidak boleh menjadi pengambil riba kepada mereka, engkau tidak boleh mengenakan kepada mereka riba.*

*(King James Version: Exodus, 22:25)*

- ii) Bayaran tambahan atau lebihan yang dikenakan dalam urusan pinjaman wang atau jual beli secara hutang dan hutang bahan makanan yang melibatkan semua sama ada bangsa Yahudi sesama mereka atau dengan bangsa yang lain. Perjanjian Lama menyatakan:

*Thou shalt not give him thy money upon usury, nor lend him thy victuals for increase.*

*Maksudnya: Engkau tidak boleh memberikan mereka wangmu dengan mengenakan riba, mahupun meminjamkan kepada mereka bekalan makanan untuk mengambil lebihan.*

*(King James Version: Leviticus, 25:37)*

iii) Bayaran tambahan atau lebihan yang dikenakan dalam urusan hutang pinjaman wang secara khusus yang melibatkan golongan bukan Yahudi sahaja. Perjanjian Lama menyatakan:

*Thou shalt not lend upon usury to thy brother; usury of money, usury of victuals, usury of any thing that is lent upon usury: \* Unto a stranger thou mayest lend upon usury; but unto thy brother thou shalt not lend upon usury:*

*Maksudnya: Engkau tidak boleh meminjamkan dengan mengenakan riba kepada saudaramu; riba dari pinjaman wang, riba dari bekalan makanan, riba dari apa-apa benda yang dipinjamkan dengan mengenakan riba: \* Kepada orang asing engkau boleh memberikan pinjaman dengan mengenakan riba, tetapi kepada saudaramu engkau tidak boleh memberikan pinjaman dengan mengenakan riba:*

*(King James Version: Deuteronomy, 23: 19-20)*

Merujuk kepada ayat, walaupun tiada tafsiran yang jelas mengenai pengertian riba dan bagaimana pengamalannya dalam urusan hutang yang dilaksanakan oleh golongan Yahudi, penulis berpendapat bahawa gambaran yang diberikan oleh Perjanjian Lama boleh diguna pakai dalam konteks ini kerana ia masih tidak lari dari pengertian asal riba iaitu tambahan atau lebihan dalam urusan hutang dan jual beli. Oleh itu, merujuk kepada ayat ini berdasarkan perspektif al-Qur'an berkaitan amalan kewangan konvensional yang mengenakan bayaran tambahan kepada peminjam dalam urusan hutang memberikan gambaran persamaan. Secara pengamalannya institusi kewangan dan perbankan konvensional akan mengenakan bayaran tambahan kepada semua golongan peminjam dalam urusan hutang. Pelaksanaan urusan hutang pinjaman yang mengenakan kadar faedah menepati apa yang telah dinyatakan oleh al-Qur'an berkaitan amalan yang dilakukan oleh golongan Yahudi kerana pihak institusi tidak akan memberikan pinjaman tanpa mengenakan kadar faedah bagi membolehkan pihak institusi membuat keuntungan.

**Fasa ketiga-** pernyataan ayat yang jelas melarang amalan riba tetapi ia hanya melibatkan lebihan atau tambahan dalam jumlah yang besar dan berlipat kali ganda. Walaupun pernyataan ini bukanlah larangan yang mutlak dan menyeluruh, tetapi pengharaman pada fasa ini akan melibatkan semua urusan hutang riba yang mengenakan bayaran tambahan secara melampau pada kadar yang berlebihan (*ribā al-fāḥisy*) sehinggakan jumlah hutang asal menjadi berlipat kali ganda.

Firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا مُضَاعَفَةً وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

*Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat ganda dan hendaklah kamu bertakwa kepada Allah agar kamu berjaya.*

*Āli 'Imrān(3): 130*

Menurut al-Sa'diy (2014), Allah melarang orang-orang yang beriman mengenakan riba secara melampau pada kadar yang berlipat kali ganda kerana ia merupakan kebiasaan amalan bagi urusan hutang dalam kalangan masyarakat jahiliah. Mereka adalah golongan yang tidak menghiraukan larangan Allah dan secara amalnya apabila pihak penghutang tidak mampu membayar hutangnya pada masa yang ditetapkan, mereka akan berkata; adakah kamu ingin membayar hutang tersebut atau kami akan berikan lagi masa kepada kamu dan jumlah hutang kamu akan bertambah?

Penggunaan perkataan berlipat ganda merupakan satu peringatan daripada Allah terhadap amalan yang melampau dengan mengenakan kadar bayaran tambahan yang terlalu tinggi. Ia juga memberikan gambaran terhadap hikmah pengharamannya kerana dalam amalan riba sememangnya wujud unsur-unsur kezaliman dan penindasan. Oleh itu pengertian riba dalam ayat tersebut merujuk secara khusus kepada amalan riba yang melampau pada kadar yang terlalu tinggi sama ada ia melibatkan pinjaman atau jual beli, urusan niaga wang, barangan atau bahan makanan. Beberapa pengertian yang telah diberikan oleh ulama' tafsir adalah:

- i) Ibn Kathīr (2015) menyatakan bahawa amalan riba dalam kalangan masyarakat jahiliah merujuk kepada situasi apabila tiba masa untuk membayar hutang, pihak pemiutang akan berkata; kamu ingin membayar hutang tersebut atau ianya akan bertambah? Jika kamu bayar kami terima dan jika kamu menanggukannya, jangka masa dan jumlah bayarannya juga akan bertambah. Perkara ini akan berlaku pada setiap kali tiba waktu pembayaran hutang tersebut dan ini menyebabkan hutang asal yang sedikit akan menjadi banyak dan berlipat ganda.
- ii) Abū Hayyān (2013) pula menyatakan bahawa ia bermaksud amalan menggandakan jumlah bayaran tambahan yang dikenakan sebagaimana yang telah dipersetujui di awal kontrak hutang berlaku secara berulang-ulang pada setiap tahun sehingga jumlah hutang tersebut menjadi berlipat ganda.

Demikian antara pengertian riba merujuk kepada fasa ketiga proses pengharamannya yang belum lagi menyeluruh dan tidak melibatkan semua urusan niaga yang mengenakan bayaran tambahan atau lebih dalam kontrak hutang (pinjaman). Amalan riba yang diharamkan pada fasa ini hanya melibatkan bayaran tambahan yang dikenakan secara melampau pada kadar yang tinggi dan berlipat ganda. Untuk itu, bayaran tambahan yang dikenakan dengan jumlah yang sedikit pada kadar yang rendah dan tidak berlipat ganda adalah dibenarkan.

Oleh itu, merujuk kepada ayat ini berdasarkan perspektif al-Qur'an berkaitan amalan kewangan konvensional yang mengenakan bayaran tambahan dalam bentuk kadar faedah pelbagai variasi bagi urusan niaga hutang (pinjaman) memberikan gambaran wujudnya amalan riba yang sedikit dan yang berlipat kali ganda. Secara pengamalannya institusi kewangan dan perbankan konvensional akan mengenakan kadar faedah yang berbeza kepada peminjam dalam urusan niaga hutang merujuk produk yang ditawarkan dan penilaian pihak institusi berasaskan faktor-faktor yang telah ditentukan. Pelaksanaan amalan mengenakan kadar faedah seperti ini menepati pernyataan oleh al-Qur'an kerana pihak institusi akan memberikan pinjaman dengan mengenakan kadar faedah yang tinggi bagi produk-produk tertentu atau kerana wujudnya faktor-faktor yang membolehkannya berbuat demikian.

**Fasa keempat-** pernyataan ayat yang menjelaskan larangan mengamalkan riba secara mutlak dan menyeluruh tanpa membezakan di antara bayaran tambahan atau lebih yang dikenakan dalam jumlah yang sedikit atau banyak. Larangan dan pengharaman ini menggambarkan kesempurnaan nas-nas al-Qur'an di peringkat terakhir proses pensabitannya bagi menentukan hukum berkaitan riba dalam syariat Islam. Oleh itu pada fasa ini, ia merupakan nas yang jelas dan dalil yang *qat'iy* (muktamad) mengenai hukum haramnya riba.

Firman Allah:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَلِكَ  
بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِّن  
رَّبِّهِ فَانْتَهَىٰ فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا  
خَالِدُونَ ﴿٢٠٠﴾ يَمْحَقُ اللَّهُ الرِّبَا وَيُرْبِي الصَّدَقَاتِ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ ﴿٢٠١﴾ إِنَّ الَّذِينَ  
آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ لَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا  
خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٠٢﴾ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا  
إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٢٠٣﴾ فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَإِن تُبْتِغُوا فَلَئِمَّ

رُؤُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ وَإِنْ كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ  
وَأَنْ تَصَدَّقُوا خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ وَأَتَّقُوا يَوْمًا تُرْجَعُونَ فِيهِ إِلَى اللَّهِ ثُمَّ تُوَفَّى  
كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ

Maksudnya: Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhoyang-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Yang demikian adalah disebabkan mereka menyatakan bahawa sesungguhnya berjual beli itu sama sahaja seperti riba padahal Allah telah menghalalkan berjual beli dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba) maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharamannya) adalah menjadi haknya dan urusannya terserah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba) maka mereka itulah ahli neraka, mereka kekal didalamnya.\* Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba dan Ia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya. Dan Allah tidak suka pada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufuran dan selalu melakukan dosa.\* Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal salih dan mengerjakan sembahyang serta memberikan zakat, mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita.\* Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang yang beriman.\* Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba) maka ketahuilah kamu akan adanya peperangan dari Allah dan RasulNya (akibatnya kamu tidak menemui selamat). Dan jika kamu bertaubat maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu (dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa dan kamu tidak dizalimi oleh sesiapa.\* Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya. Dan (sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui (pahalanya yang besar yang kamu akan dapat kelak).\* Dan peliharalah diri kamu dari huru-hara hari (kiamat) yang padanya kamu akan dikembalikan kepada Allah. Kemudian akan disempurnakan balasan tiap-tiap seorang menurut apa yang telah diusahakannya sedang mereka tidak dikurangkan balasannya sedikitpun.

al-Baqarah(2): 275-281

Kefahaman yang diperolehi dari ayat fasa terakhir yang diturunkan dalam proses pengharaman riba adalah ancaman pembalasan yang akan diterima di akhirat kelak oleh pengamal-pengamal urusan riba. Ia melibatkan semua urusan hutang sama ada dalam jumlah yang kecil atau sebaliknya walaupun terdapat dalam kalangan mereka yang beranggapan bahawa urusan riba adalah sama dan tiada sebarang perbezaan dengan urusan jual beli

Sebenarnya perbezaan kedua-duanya adalah jelas berdasarkan penafian Allah terhadap dakwaan mereka yang menganggap bahawa urusan riba adalah sama seperti jual beli dan Allah telah menjelaskan berkaitan hukum kedua-dua urusan tersebut. Sesungguhnya Allah telah menghalalkan pelaksanaan urusan jual beli, sedangkan dalam masa yang sama urusan riba telah diharamkan oleh Allah. Setelah penjelasan berkaitan hukum dinyatakan, Allah memerintahkan supaya semua urusan yang terlibat dengan riba perlu dihentikan serta merta dan ia tidak boleh lagi diamalkan pada masa-masa yang mendatang.

Seterusnya Allah menjelaskan bahawa urusan riba sebenarnya tidak membawa apa-apa kebaikan terhadap harta yang diurusniagakan serta pemilikinya kerana apa yang terhasil dari urusan tersebut adalah dosa dan kemurkaan Allah. Sebaliknya Allah menerangkan bahawa kebaikan yang akan terhasil dari pemilikan harta adalah dengan melakukan sedekah (zakat), kerana sedekah akan menjadikan sesuatu harta subur dan berkembang. Selain dari itu Allah menjanjikan ganjaran yang



besar dari amalan sedekah dan ia juga akan menyelamatkan seseorang dari azab neraka di akhirat kelak. Pada ayat berikutnya Allah menyeru kepada orang-orang yang beriman agar meninggalkan saki baki riba yang belum dibayar oleh pihak penghutang (tidak mengambilnya) untuk menzahirkan ketakwaan dan kebenaran iman mereka kepada Allah. Sekiranya mereka ingkar dengan perintah tersebut, Allah mengancam mereka dengan peperangan. Jika mereka bertaubat dan meninggalkan saki baki urusan riba, mereka berhak untuk mendapatkan semula keseluruhan jumlah asal hutang dan Allah memberi jaminan bahawa mereka tidak melakukan kezaliman dan juga tidak akan dizalimi.

Akhirnya Allah mengajar pihak pemiutang supaya membantu orang-orang susah dengan memberikan pinjaman tanpa menekan dan memaksa mereka supaya membayar hutang atau mengenakan bayaran tambahan kerana perlanjutan jangka masa hutang tersebut. Allah menegaskan bahawa jumlah hutang tidak boleh bertambah walaupun penghutang tidak mampu membayarnya dalam tempoh yang ditetapkan dan melanjutkan jangka masa pembayaran hutang tanpa mengenakan sebarang bayaran tambahan dikira sebagai satu kebajikan. Selain dari itu jika pihak pemiutang menjadikan semua hutang tersebut atau sebahagian daripadanya sebagai sedekah kepada pihak penghutang yang tidak berkemampuan untuk membayarnya, maka itu adalah lebih baik di sisi Allah. Inilah cara yang paling baik dilakukan oleh seseorang bagi memelihara dirinya dari huru-hara hari kiamat dan segala amalan baik pasti akan diberikan balasan yang sewajarnya oleh Allah.

Untuk penjelasan seterusnya mengenai pengharaman riba yang muktamad dan secara menyeluruh ini, persoalan lain yang perlu difahami adalah sebab-sebab penurunan ayat tersebut (*asbab al-nuzul*) kerana pengetahuan berkaitan sebab penurunan sesuatu ayat akan dapat membantu seseorang memahaminya dengan jelas serta boleh menghilangkan kesamaran (al-Zarqāniy, 2016). Oleh itu beberapa sebab penurunan ayat yang dapat diberikan berdasarkan nukilan-nukilan para sarjana tafsir terdahulu adalah:

- i) Abū Ḥayyān (2013) menyatakan bahawa Banī Thāqif dari kalangan Banī 'Amrū memberikan hutang pinjaman kepada Banī al-Mughīrah dan apabila tiba masa pembayaran hutang tersebut puak Banī Thāqif menuntut jumlah asal bayaran hutang tersebut beserta dengan bayaran tambahan (riba), lalu turunlah ayat 278-279 dari surah al-Baqarah sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini. Setelah turunnya ayat ini, Banī Thāqif berkata: Sesungguhnya kami tidak mampu untuk menghadapi peperangan dengan Allah dan RasulNya, lalu mereka bertaubat dan hanya mengambil jumlah asal hutang mereka sahaja.
- ii) Berdasarkan riwayat dari al-Ṭabariy (2015) yang menyatakan bahawa al-'Abbās dan Khālīd ibn al-Walīd merupakan dua orang rakan kongsi perniagaan di zaman jahiliah. Mereka menjalankan urusan dengan memberikan pinjaman kepada para pelanggan mereka dalam kalangan Banī Thāqif secara riba. Sebelum ayat ini diturunkan, mereka telah memiliki harta yang banyak hasil dari urusan riba tersebut, lalu Allah menurunkan ayat 278-279 seperti yang telah dinyatakan sebelum ini.
- iii) Zayd ibn Aslam, Ibn Jurayh, Maqatīl, Abū Ḥayyān dan al-Sadā menyatakan bahawa ayat 278 diturunkan kepada Banī 'Amrū ibn 'Auf dari kalangan Banī Thāqif dan kepada Banī al-Mughīrah yang melaksanakan urusan hutang pinjaman secara riba terhadap Banī Thāqif. Semasa Rasulullah S.A.W sampai ke Makkah, baginda telah menjelaskan mengenai pengharaman riba secara menyeluruh. Setelah itu Banī 'Amrū dan Banī al-Mughīrah mengadap gabenor Makkah iaitu 'Attāb ibn Usayd. Banī 'Amrū bertanya; adakah pihak kami akan menjadi manusia yang paling malang kerana kami perlu membayar hutang secara riba sedangkan ia telah dimansuhkan kepada golongan lain. Banī al-Mughīrah pula berkata; berikanlah kebenaran kepada pihak kami untuk mengambil bayaran tambahan (riba) yang telah menjadi hak kami. Kemudian 'Attāb telah menulis surat kepada Rasulullah S.A.W di Madinah untuk memberitahu mengenai keadaan yang berlaku di Makkah lalu turun ayat tersebut (Ibn Kathir, 2015).
- iv) Ibn Jarīr menyatakan dari 'Ikrimah, katanya; ayat 278 diturunkan kepada Banī Thāqif yang diantara mereka adalah Mas'ūd, Ḥubayb, Rabī'ah dan 'Abd Yallayl (Banī 'Amrū dan Banī 'Umayr) (al-Hamsiy, 2016).

Inilah antara beberapa sebab penurunan yang dapat dinukilkan berkaitan ayat yang menjelaskan pengharaman urusan riba sebagaimana yang diamalkan dalam kalangan umat Islam pada ketika itu. Amalan ini sebenarnya merupakan satu kebiasaan dalam kalangan mereka bagi urusan hutang sama ada yang melibatkan pinjaman wang atau jual beli barangan. Secara umumnya ayat-ayat yang telah dinyatakan merupakan nas yang jelas dan dalil yang *qat'iy* berkaitan pengharaman riba dalam syariat Islam. Satu persoalan yang timbul adalah, apakah pengertian yang dimaksudkan dengan perkataan riba dalam ayat-ayat tersebut? Beberapa pengertian yang boleh diberikan menurut pandangan para sarjana tafsir adalah seperti berikut:

- i) Menurut pandangan al-Maḥalliy dan al-Suyūṭiy (2014), riba yang dimaksudkan dalam ayat tersebut adalah bayaran tambahan atau lebihan yang terhasil dari urusan mu'amalah yang melibatkan wang atau bahan makanan merujuk kepada kuantitinya atau penangguhan jangka masa dalam urusan tersebut.
- ii) Bayaran tambahan atau lebihan merujuk kepada riba *al-Fadl* (kuantiti) yang diharamkan kerana persamaan jenis seperti pertukaran emas dengan emas serta riba *al-Nasā'* (jangka masa) yang diharamkan kerana wujud unsur-unsur tambahan atau lebihan dari penangguhan masa serahan walaupun bagi jenis barangan yang berbeza seperti pertukaran emas dengan perak (al-Barusawiy, 2017).
- iii) Bayaran tambahan atau lebihan yang berbentuk harta hasil dari pertukaran tanpa wujudnya nilai setara dalam urusan pertukaran barangan dengan barangan atau harta dengan harta (*mu'awadah*) (al-Nasafiy, 2016).
- iv) Pendapat al-Ṣābūniy (2016) menyatakan bahawa riba yang dimaksudkan dalam ayat tersebut adalah bayaran tambahan atau lebihan yang diambil oleh pihak pemiutang dari pihak penghutang kerana faktor penangguhan masa.
- v) Bayaran tambahan atau lebihan yang terhasil dari modal asal, tetapi ia tidak sepatutnya diperolehi oleh pemilik modal tersebut kerana wujudnya unsur-unsur kezaliman dalam pelaksanaan urusan tersebut (al-Ṣābūniy, 2015).

Inilah antara beberapa pengertian yang dapat diberikan bagi perkataan riba sebagaimana nukilan beberapa orang sarjana tafsir bagi ayat terakhir yang diturunkan semasa proses pengharaman riba dalam syariat Islam. Pengertian-pengertian yang telah dinyatakan semuanya merujuk kepada bayaran tambahan atau lebihan yang terhasil melebihi jumlah pokok (asal) wang dalam pelaksanaan urusan pertukaran (jual beli) atau hutang walaupun dalam jumlah yang kecil. Bayaran tambahan atau lebihan yang dimaksudkan tidak membezakan di antara jumlah yang kecil atau besar kerana pengharaman ini adalah mutlak dan menyeluruh.

Oleh itu sebagai kesimpulannya, maksud riba menurut al-Qur'an mempunyai empat pengertian yang berbeza merujuk kepada bentuk pengamalan dan kadar lebihannya walaupun asas kepada pengertian tersebut adalah sama iaitu bayaran tambahan atau lebihan. Perbezaan pengertian ini berlaku kerana proses pengaharaman riba berlaku secara beransur-ansur melalui empat fasa dan setiap fasa penurunan ayat mempunyai kaitan langsung dengan amalan riba yang berlaku pada masa tersebut sebelum al-Qur'an memuktamadkan pengharaman riba secara menyeluruh. Kesimpulan yang boleh diberikan berkaitan pengertian riba berdasarkan empat fasa penurunan ayat-ayat pengharaman tersebut adalah seperti berikut:

- i) Hasil tambahan atau lebihan yang diperolehi kerana penggunaan atau perbelanjaan sesuatu harta untuk orang lain. Ia diperolehi dalam bentuk pemberian semula (balasan) atau pembayaran semula hutang pinjaman atau jual beli.
- ii) Bayaran tambahan atau lebihan sebagaimana amalan yang berlaku di kalangan golongan Yahudi walaupun bentuk pengamalannya tidak dinyatakan secara jelas oleh al-Qur'an. Walaupun tiada sumber rujukan khusus yang dapat memberikan pengertian yang tepat mengenainya, *Tawrah* yang ada dalam versi semasa dapat membantu untuk memberikan gambaran berkaitan urusan yang berlaku.

- iii) Bayaran tambahan atau lebih yang diperolehi dalam jumlah yang sangat besar berbanding wang modal asal yang dikeluarkan hingga sampai ke tahap berlipat ganda hasil dari penangguhan jangka masa pembayaran semula dalam urusan hutang.
- iv) Semua bentuk bayaran tambahan atau lebih yang diperolehi hasil dari wang modal asal dalam urusan hutang tanpa melihat kepada jumlahnya walaupun bayaran tambahan yang dikenakan atau lebih tersebut adalah dalam jumlah yang kecil.

Merujuk kepada pengertian-pengertian yang telah diberikan oleh para sarjana tafsir berkaitan riba dan amalannya, ia memberikan gambaran bahawa riba yang diharamkan oleh al-Qur'an adalah riba hutang sama ada hutang tersebut terhasil melalui pinjaman atau jual beli. Kenyataan ini boleh dirujuk kepada sebab penurunan ayat yang mengharamkan riba pada fasa keempat serta kefahaman mengenai penggunaan wang bagi urusan hutang sebagaimana yang telah menjadi amalan kebiasaan orang Arab sebelum Islam. Dari segi penggunaan wang, mereka akan berurusan melalui dua cara berikut; iaitu dengan memberikan wang mereka kepada orang lain untuk dijadikan modal perniagaan berdasarkan prinsip *qiraḍ (muḍarabah)* atau meminjamkan wang mereka kepada orang lain dengan tujuan untuk mendapatkan bayaran tambahan (riba) dari pihak peminjam (Sudin Haron, 1996).

Oleh itu, merujuk kepada perspektif al-Qur'an berkaitan amalan kewangan konvensional yang mengenakan bayaran tambahan dalam bentuk kadar faedah bagi urusan hutang (pinjaman) memberikan gambaran kewujudan amalan riba. Selain dari urusan hutang, kadar faedah juga wujud dalam urusan deposit yang menjanjikan kadar tertentu sebagai balasan kepada penggunaan wang pendeposit.

Secara pengamalannya, institusi kewangan dan perbankan konvensional akan mengenakan kadar faedah kepada peminjam dalam urusan hutang dan dalam kes-kes tertentu faedah tambahan akan dikenakan kerana kelewatan membuat pembayaran balik hutang melebihi jangka masa yang telah ditetapkan. Pelaksanaan amalan mengenakan kadar faedah asas beserta faedah tambahan atas kelewatan pembayaran balik hutang adalah menepati apa yang telah dinyatakan oleh al-Qur'an kerana pihak institusi akan memperolehi kadar faedah secara berulang-ulang berdasarkan perkiraan pinjaman asas serta penalti kerana kelewatan membuat pembayaran balik pinjaman.

Secara kesimpulannya, al-Qur'an telah memberikan gambaran yang jelas mengenai riba dan bagaimana pengamalannya berlaku dalam urusan hutang yang dilaksanakan dalam sejarah manusia setelah mereka mengenal wang. Ia merupakan amalan yang telah sebatikan dan berakar umbi dalam kehidupan manusia sejak sebelum kedatangan Islam. Apabila Islam didatangkan kepada manusia melalui perutusan Rasulullah S.A.W dan penurunan al-Qur'an yang sifatnya beransur-ansur, maka proses pengaharaman riba juga melalui pendekatan yang sama. Oleh itu riba menurut al-Qur'an dari segi pengertiannya perlu dilihat kepada bayaran tambahan atau lebih yang terhasil dari pelaksanaan urusan hutang sama ada dalam bentuk pinjaman atau jual beli. Sila rujuk jadual 1 berikut bagi memahami pernyataan al-Qur'an berkaitan skop dan hukum riba sebagaimana yang telah dibincangkan.

Jadual 1: Pernyataan al-Qur'an berkaitan skop dan hukum riba

| Fasa               | Pernyataan Ayat   | Skop dan Hukum Riba   |
|--------------------|---|---|
| 1<br>Surah<br>30:3 | <i>Dan (ketahuilah bahawa) sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan supaya bertambah kembangnya ia pada harta manusia maka ianya tidak sesekali berkembang di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan). Dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan untuk mendapatkan keredaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukannya itulah orang yang beroleh pahala berganda-ganda</i> | Riba dalam konteks ini merujuk kepada hasil tambahan atau lebih yang diperolehi kerana pemberian atau perbelanjaan harta bernilai kepada orang lain khususnya golongan miskin yang memerlukan. Ia adalah perolehan dalam bentuk pemberian semula (balasan) atau pembayaran semula hutang pinjaman atau jual beli.<br>*Secara hukumnya amalan seperti ini belum lagi dikategorikan sebagai haram walaupun wujud motif untuk mengambil lebih (riba). Sebaliknya ia hanya merupakan satu peringatan negatif ( <i>maw'izah salbiyyah</i> ) daripada Allah agar tidak melakukan amalan sedemikian. |

|  |   |   |
|--|---|---|
| <p>2<br/>Surah<br/>4:161</p>               | <p><i>Dan juga (disebabkan) mereka mengambil riba padahal mereka telah dilarang melakukannya dan (disebabkan) mereka memakan harta orang lain dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya). Dan ingatlah Kami telah menyediakan bagi orang-orang kafir di antara mereka azab siksa yang tidak terperi-peri sakitnya</i></p>  | <p>Amalan riba sebagaimana yang berlaku dalam kalangan golongan Yahudi yang melibatkan bayaran tambahan atau lebihan yang dikenakan dalam urusan hutang wang atau bahan makanan yang dilaksanakan oleh mereka.<br/>*Pernyataan mengenai larangan daripada terlibat dengan urusan riba dan penurunan ayat ini kepada umat Islam tidak boleh dijadikan sebagai dalil yang <i>qat'iy</i> (muktamad) untuk mengharamkan amalan riba yang telah sebatian dengan mereka</p>   |
| <p>3<br/>Surah<br/>3:130</p>               | <p><i>Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat ganda dan hendaklah kamu bertakwa kepada Allah supaya kamu berjaya.</i></p>  | <p>Bayaran tambahan (riba) yang hanya melibatkan jumlah yang terlalu besar berbanding jumlah modal asal hingga menjadikannya berlipat ganda hasil dari penangguhan jangka masa pembayaran semula dalam urusan hutang<br/>*Hukum haram hanya melibatkan bayaran tambahan yang dikenakan secara melampau pada kadar yang tinggi dan berlipat ganda.</p>   |
| <p>4<br/>Surah<br/>2:275<br/>-<br/>281</p> | <p><i>Mereka menyatakan bahawa sesungguhnya berjual beli itu sama sahaja seperti riba padahal Allah telah menghalalkan berjual beli dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba) maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharamannya) adalah menjadi haknya dan urusannya terserah kepada Allah. * (2:275)<br/>Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu * (2:278) Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya. * (2:280).</i></p> | <p>Riba melibatkan semua bentuk bayaran tambahan atau lebihan yang diperolehi hasil dari wang modal asal dalam urusan hutang tanpa melihat kepada jumlahnya walaupun bayaran tambahan yang dikenakan adalah dalam jumlah yang kecil. Ia melibatkan semua urusan hutang sama ada yang melibatkan wang, barangan atau bahan makanan walaupun ada yang menyatakan bahawa amalan riba sama seperti urusan jual beli. Semua urusan yang terlibat dengan riba perlu dihentikan serta merta dan ia tidak boleh lagi diamalkan pada masa-masa yang mendatang. Pihak pemiutang juga diperintahkan agar meninggalkan saki baki riba yang belum dibayar oleh pihak penghutang dan hanya dibenarkan mengambil jumlah hutang asalnya sahaja.<br/>*Pengharaman amalan riba secara mutlak dan menyeluruh tanpa membezakan di antara bayaran tambahan yang dikenakan dalam jumlah yang besar atau sebaliknya. Hukum haram ini melibatkan semua dan ia adalah <i>qat'iy</i> (muktamad)</p> |

## PERSPEKTIF AL-QUR'AN TERHADAP AMALAN KEWANGAN KONVENSIONAL

Merujuk kepada perspektif al-Qur'an berkaitan amalan kewangan konvensional berdasarkan ayat-ayat yang telah dinyatakan memberikan gambaran tentang keinginan manusia untuk memperolehi pulangan sama ada mereka di pihak individu atau institusi. Apabila mereka melaksanakan sesuatu urusan kewangan, maka wujudlah motif untuk memperolehi pulangan dengan mengenakan bayaran tambahan kepada pihak lain. Amalan kewangan konvensional akan mengenakan bayaran faedah kepada peminjam dalam urusan hutang dan membayar faedah kepada pendeposit yang menyimpan wang mereka. Pelaksanaan amalan memberi dan mengenakan kadar faedah menepati apa yang telah dinyatakan oleh al-Qur'an kerana pihak institusi tidak akan memberikan pinjaman tanpa mengenakan kadar faedah. Sebaliknya pulangan yang diberikan kepada pihak pendeposit wang adalah kerana penggunaan wang tersebut untuk memberikan pinjaman bagi membolehkan pihak institusi membuat keuntungan berasaskan perbezaan kadar faedah pinjaman dan simpanan.

Seterusnya perspektif yang berbeza dirakamkan oleh al-Qur'an berkaitan amalan, yang dilakukan oleh golongan Yahudi yang mengenakan bayaran tambahan kepada peminjam dalam urusan hutang. Mereka melaksanakan urusan pinjaman wang dan bahan makanan dengan tujuan untuk mengambil bayaran tambahan dari pihak peminjam sama ada pihak tersebut dari kalangan mereka atau sebaliknya. Apa yang dirakamkan oleh al-Qur'an memberikan gambaran persamaan,

kerana secara pengamalannya institusi kewangan dan perbankan konvensional akan mengenakan bayaran tambahan kepada semua golongan peminjam dalam urusan hutang. Merujuk kepada amalan kewangan konvensional yang melaksanakan urusan pinjaman dengan kadar faedah, ia adalah menepati perspektif yang telah dinyatakan oleh al-Qur'an kerana pihak institusi tidak akan memberikan pinjaman tanpa mengenakan kadar faedah bagi membolehkan pihak institusi mendapat pulangan dan membuat keuntungan.

Selain daripada itu, perspektif al-Qur'an berkaitan kebenaran untuk mengambil riba dalam jumlah yang kecil dan larangan mengambilnya pada kadar yang berlipat ganda memberikan gambaran jelas pengharaman *ribā al-fāḥisy* (bayaran tambahan yang diambil secara melampau pada kadar yang berlebihan). Walaupun riba berkadar rendah masih dibenarkan, tetapi ia bukanlah amalan baik yang boleh menghasilkan sifat takwa bagi mencapai kejayaan dalam hidupan. Oleh itu, merujuk kepada perspektif ini berdasarkan amalan kewangan konvensional yang mengenakan bayaran tambahan dalam bentuk kadar faedah pelbagai variasi bagi urusan hutang (pinjaman), memberikan gambaran wujudnya amalan riba yang sedikit dan yang berlipat kali ganda.

Secara pengamalannya institusi kewangan dan perbankan konvensional akan mengenakan kadar faedah yang berbeza kepada peminjam dalam urusan hutang merujuk kepada produk yang ditawarkan dan penilaian pihak institusi berasaskan faktor-faktor yang telah ditentukan. Pelaksanaan amalan mengenakan kadar faedah seperti ini menepati apa yang telah dinyatakan oleh al-Qur'an kerana dalam kes-kes tertentu pihak institusi akan memberikan pinjaman dengan mengenakan kadar faedah tinggi yang menyebabkan jumlah hutang asal menjadi besar serta berlipat ganda.

Secara umumnya, perspektif al-Qur'an berkaitan amalan riba pada fasa terakhir ini adalah lanjutan daripada fasa sebelumnya yang hanya melibatkan *ribā al-fāḥisy* sahaja. Fasa ini melibatkan pengharaman semua jenis dan kategori riba tanpa sebarang pengecualian. Ia tidak membezakan jumlah serta kadar yang dikenakan dalam pelaksanaan sesuatu urusan hutang sama ada secara melampau dan berlebihan atau sebaliknya. Oleh itu, merujuk kepada perspektif ini berdasarkan amalan kewangan konvensional yang mengenakan bayaran tambahan (kadar faedah), memberikan gambaran kewujudan amalan riba dalam urusan hutang (pinjaman). Selain dari urusan hutang, kadar faedah juga wujud dalam urusan deposit yang menjanjikan kadar tertentu sebagai balasan kepada penggunaan wang pendeposit walaupun kadarnya lebih rendah berbanding kadar faedah pinjaman.

Secara pengamalannya, institusi kewangan dan perbankan konvensional akan mengenakan kadar faedah kepada peminjam dalam urusan hutang dan dalam kes-kes tertentu faedah tambahan akan dikenakan kerana kelewatan membuat pembayaran balik hutang melebihi jangka masa yang telah ditetapkan. Pelaksanaan amalan mengenakan kadar faedah asas beserta faedah tambahan atas kelewatan pembayaran balik hutang adalah menepati perspektif yang telah dinyatakan oleh al-Qur'an kerana pihak institusi akan memperolehi kadar faedah secara berulang-ulang berdasarkan perkiraan pinjaman asas serta bayaran penalti kerana kelewatan membuat pembayaran balik pinjaman. Sila rujuk jadual 2 berikut bagi memahami perspektif al-Qur'an terhadap riba dalam amalan kewangan konvensional sebagaimana yang telah dibincangkan sebelumnya.

Jadual 2: Perspektif al-Qur'an terhadap amalan kewangan konvensional

| Bil | Fasa Penurunan Ayat         | Perspektif al-Qur'an terhadap Riba  | Amalan Kewangan Konvensional  |
|-----|-----------------------------|---|---|
| 1   | Fasa 1 (Awal) al-Rum (30):3 | Gambaran pengamalan riba dalam kalangan orang-orang kaya yang memberikan harta mereka kepada golongan miskin yang memerlukan dengan motif untuk mendapat pulangan dari pemberian tersebut. Penurunan ayat berlaku di Makkah dan ia merupakan peringatan daripada Allah supaya mereka mengikhlasakan diri apabila melakukan pemberian. | Kadar faedah merupakan teras kepada amalan kewangan konvensional dan pelaksanaan sesuatu urusan kewangan, adalah dengan motif untuk memperolehi pulangan dengan mengenakan bayaran tambahan (faedah). Faedah dikenakan kepada peminjam dalam urusan hutang dan dibayar kepada pendeposit kerana penggunaan wang deposit tersebut untuk memberikan pinjaman. |

|   |  |   |   |
|---|--|---|---|
| 2 | Fasa 2<br>(Pertengahan)<br>al-Nisa'<br>(4):161         | Pengulangan semula berkaitan larangan riba terhadap golongan Yahudi yang merujuk kepada amalan mereka mengenakan bayaran tambahan (riba) dalam urusanniaga pinjaman (hutang) wang dan bahan makanan. Pernyataan ini merupakan satu amaran kepada umat Islam supaya menghindarkan diri dari amalan riba.   | Amalan kewangan yang sama seperti amalan golongan Yahudi iaitu mengenakan bayaran tambahan kepada peminjam dalam urusanniaga hutang. Secara pengamalannya, institusi kewangan dan perbankan konvensional tidak akan memberikan pinjaman tanpa mengenakan kadar faedah bagi membolehkan pihak institusi membuat keuntungan.  |
| 3 | Fasa 3<br>(Pertengahan)<br>Ali 'Imran<br>(3):130       | Pernyataan larangan yang hanya melibatkan amalan mengambil riba secara melampau dengan kadar yang berlipat kali ganda sepertimana amalan biasa dalam kalangan masyarakat Arab jahiliah. Mereka mengenakan bayaran tambahan (riba) secara berulang-ulang kerana perlanjutan tempoh pembayaran semula hutang dan ini menjadikan jumlahnya berganda..  | Amalan kewangan konvensional mengenakan kadar faedah dalam pelbagai variasi bermula dengan kadar yang rendah dan seterusnya boleh menjadi berlipat kali ganda. Pihak institusi akan mengenakan kadar faedah yang berbeza kepada peminjam dalam urusanniaga hutang merujuk kepada produk dan penilaian pihak institusi berasaskan faktor-faktor yang telah ditentukan.   |
| 4 | Fasa 4<br>(Akhir)<br>al-Baqarah<br>(2):275<br>-<br>281 | Pengharaman muktamad yang melibatkan semua kategori riba tanpa melihat kepada jumlahnya walaupun bayaran tambahan yang dikenakan atau lebihan tersebut adalah dalam jumlah yang kecil. Ia tidak membezakan di antara bayaran tambahan atau lebihan yang dikenakan dalam jumlah yang sedikit atau banyak. Semua urusanniaga hutang (pinjaman wang) yang menghasilkan faedah tambahan kepada pihak pemiutang termasuk dalam kategori riba yang diharamkan oleh al-Qur'an. | Institusi kewangan konvensional akan mengenakan kadar faedah kepada peminjam dalam urusanniaga hutang dan dalam kes-kes tertentu faedah tambahan akan dikenakan kerana kelewatan membuat pembayaran balik hutang melebihi jangka masa yang telah ditetapkan. Amalan ini akan membolehkan pihak institusi memperolehi kadar faedah secara berulang-ulang berdasarkan perkiraan pinjaman asas serta penalti kerana kelewatan membuat pembayaran balik pinjaman tersebut |

## ANALISIS PERBANDINGAN BERKAITAN RIBA DAN KADAR FAEDAH PERBANKAN

Riba dari segi amalannya dikaitkan dengan urusanniaga pinjaman dan jual beli sama ada yang melibatkan wang dengan wang, wang dengan barangan atau barangan dengan barangan. Walau bagaimanapun amalan riba yang berlaku dalam institusi perbankan konvensional hanyalah yang melibatkan urusanniaga wang kerana asas operasi perbankan adalah melaksanakan urusanniaga berkaitan kewangan (Mohamad Ismail, 2012). Menurut Siti Rohani (1988), bank adalah satu bentuk institusi kewangan yang berfungsi untuk menerima simpanan dan mengeluarkan pinjaman dengan tujuan mendapatkan keuntungan. Oleh itu dalam melaksanakan fungsinya sebagai institusi kewangan, pihak bank akan melaksanakan semua urusanniaga kewangan sebagaimana yang dibenarkan.

Urusniaga kewangan yang dilaksanakan oleh institusi perbankan biasanya menghasilkan bayaran faedah kepada pihak pelanggan kerana simpanan atau pelaburan yang dibuat. Bayaran faedah juga dikenakan oleh pihak bank kepada pihak pelanggan kerana urusanniaga pinjaman atau hutang dan kedua-dua bentuk bayaran faedah ini telah menjadi tumpuan perbincangan sejak dahulu hingga sekarang apabila membicarakan persoalan riba dalam sistem perbankan. Persoalan inilah yang perlu dilihat secara tepat dengan melihat sama gambaran amalan riba yang melibatkan wang sebagaimana yang berlaku di zaman jahiliah serta di zaman awal Islam semasa turunnya ayat larangan dan peringatan supaya menghapuskan amalan riba tersebut.

Secara konsepnya riba *al-jāhiliyyah* merujuk kepada bayaran tambahan atau lebihan yang terhasil kerana penangguhan masa dalam urusanniaga hutang sama ada pinjaman wang atau jual beli

barangan. Dari segi amalannya ia berlaku apabila seseorang berhutang dengan janji ia akan membayar hutang tersebut pada masa yang telah ditetapkan, kemudian apabila sampai masa tersebut ia meminta agar pembayaran tersebut ditangguhkan dengan berkata; "Lanjutkan jangka masa pembayaran hutang saya ke bulan yang lain kerana saya berada dalam kesempitan dan nanti saya akan lebihkan bayarannya". Seterusnya kedua-dua pihak akan bersetuju dengan tawaran tersebut dan kadang kala keadaan ini berlaku secara berulang-ulang setiap kali sampai masa pembayarannya hingga jumlah hutang tersebut menjadi berlipat ganda. Amalan seperti ini telah sebatik dalam kalangan masyarakat jahiliah dan ia merupakan amalan biasa dalam pelaksanaan urusan niaga harian sehingga ada dari kalangan mereka yang menyatakan; "Mengambil keuntungan semasa permulaan urusan niaga melalui jual beli sama sahaja dengan mengambil keuntungan secara bertempoh atau bertangguh" (Sonhadji Mohamad, 1990).

Selain dari itu, konsep dan amalan riba *al-jāhiliyyah* boleh difahami berdasarkan perisytiharan yang dibuat oleh Rasulullah S.A.W dalam khutbahnya semasa *Hajjat al-Wadā'* iaitu penghapusan riba *al-jāhiliyyah* secara menyeluruh dan amalan riba yang pertama perlu dihapuskan adalah riba al-'Abbās ibn 'Abd al-Muṭṭalib. Menurut Muhamad al-Ṣā'im (seperti nukilan al-Makkiy, 1992), penghapusan riba *al-jāhiliyyah* yang diamalkan oleh al-'Abbās dinyatakan secara jelas dalam hadith kerana pada masa tersebut beliau merupakan seorang hartawan dan harta kekayaannya boleh disamakan seperti sebuah bank kerana terlalu banyak jumlah harta yang terkumpul dalam simpanannya. Secara amalannya, riba yang dikaitkan dengan al-'Abbās adalah riba hutang kerana beliau sememangnya menjalankan urusan niaga hutang sama ada dalam bentuk pinjaman wang atau jual beli. Dalam urusan niaga pinjaman beliau merupakan tempat bagi golongan yang memerlukan membuat pinjaman wang untuk tempoh tertentu dengan dikenakan riba (faedah) yang dikira berdasarkan jumlah pinjaman dan jangka masa pembayaran balik pinjaman tersebut. Amalan yang hampir sama juga berlaku dalam urusan niaga hutang jual beli, iaitu apabila ada orang yang memerlukan sesuatu barangan sedangkan ia tidak mampu untuk mendapatkannya secara tunai, maka ia akan membelinya secara hutang untuk jangka masa tertentu. Setelah itu apabila sampai masa pembayaran hutang tersebut, pembeli yang tidak mampu membayarnya akan meminta supaya jangka masa dilanjutkan dan lanjutan ini akan dikenakan bayaran tambahan (faedah). Inilah antara amalan riba yang berlaku pada masa itu termasuklah riba yang diamalkan oleh al-'Abbās ibn 'Abd Muṭṭalib.

Menurut Fathi Lāsyin (seperti nukilan al-Makkiy, 1992), riba hutang merupakan riba yang diamalkan secara meluas di zaman jahiliah. Amalannya dipelopori oleh golongan kaya dari kalangan orang Arab dan Yahudi yang melaksanakan urusan niaga sesama mereka atau dengan bangsa lain pada ketika itu. Pengharaman riba melalui pernyataan ayat Surah al-Baqarah yang merupakan antara ayat al-Qur'an yang diturunkan di akhir hayat Rasulullah S.A.W dan hadith yang memperkatakan mengenainya adalah menyeluruh dan bersifat mutlak. Pengharaman tersebut tidak membezakan pengamalan di antara seorang penghutang dengan penghutang yang lain, seorang pemiutang dengan pemiutang yang lain dan satu urusan niaga hutang dengan urusan niaga hutang yang lain. Apa sahaja faktor yang menyebabkan pelaksanaan urusan niaga hutang atau tujuan penggunaan wang yang terhasil dari hutang tersebut, maka semuanya telah disabitkan pengharamannya secara jelas berdasarkan dalil-dalil al-Qur'an dan al-Sunnah dan ia juga telah disepakati oleh para ulama' Islam terdahulu. Oleh itu alasan yang boleh diberikan untuk menggambarkan wujudnya amalan riba dalam sesuatu urusan niaga adalah segala bentuk bayaran tambahan atau lebihan yang dikenakan kerana hutang yang melibatkan tanggungan secara tetap dan kemestian untuk membayarnya sebagaimana yang telah dipersetujui.

Untuk itu, riba *al-jāhiliyyah* dari segi amalannya mempunyai beberapa ciri persamaan dengan urusan niaga hutang perbankan konvensional semasa iaitu perolehan bayaran tetap secara berkala sama ada secara harian, mingguan, bulanan atau tahunan. Persamaan tersebut merujuk kepada ciri-ciri amalan yang serupa dengan riba *al-Nasī'ah* yang begitu masyhur di kalangan masyarakat jahiliah pada ketika itu. Amalan ini berlaku apabila seseorang memberi pinjaman kepada orang lain untuk satu jangka masa dan pembayaran hutang tersebut akan dilakukan secara berkala (setiap bulan) dengan jumlah yang telah ditentukan. Apabila sampai masa pembayaran, jumlah bayaran tersebut termasuk pinjaman pokok dan bayaran tambahannya akan dituntut. Sekiranya pihak penghutang tidak mampu membayarnya, jangka masa tersebut akan dilanjutkan dengan dikenakan bayaran tambahan lain terhadap hutang tersebut. (al-Haytamiy, 2016) Oleh itu, penangguhan masa yang diberikan (*al-Nasī'ah*) serta bayaran tambahan yang dikenakan merupakan gambaran khusus mengenai amalan riba

yang berlaku di zaman jahiliah dan ini menyebabkan sebahagian ulama' mengkategorikannya sebagai riba *al-jāhiliyyah*.

### Konsep dan amalan faedah

Konsep faedah dalam sistem perbankan konvensional moden adalah bayaran yang melibatkan dua pihak iaitu pengguna dan institusi perbankan. Kedua-dua pihak boleh menjadi pembayar faedah dalam satu urusan tertentu dan sebagai penerima faedah dalam urusan yang lain. Institusi perbankan akan bertindak sebagai pembayar faedah apabila pengguna menjadi pelanggan dengan membuat simpanan atau pelaburan dan pihak institusi pula akan menerima bayaran faedah apabila ia memberikan pinjaman atau pembiayaan kepada pelanggannya. Menurut Case dan Fair (1994), faedah adalah bayaran yang diberikan kerana penggunaan wang atau bayaran yang dikenakan kepada peminjam oleh pihak yang memberikan pinjaman kesan penggunaan wang atau modal tersebut. Oleh itu dari segi amalannya, faedah wujud kesan dari pelaksanaan urusan kewangan yang melibatkan pinjaman, simpanan atau pelaburan yang dikira berdasarkan kadar peratus yang telah ditetapkan dan ia dikenali sebagai kadar faedah. Kadar faedah tersebut merupakan ukuran nilai pembayaran tahunan bagi pinjaman mengikut perkiraan peratus dari jumlah pinjaman tersebut. (Ruffin & Gregory, 1996)

Kewujudan kadar faedah dalam sistem perbankan konvensional moden dikaitkan dengan permintaan wang kerana ia merupakan kos memegang wang dan ia akan menyebabkan individu mengurangkan pegangan wang tunai mereka apabila kadar faedah meningkat dengan mengatur penggunaan wang mereka secara lebih cermat. Ia dilakukan dengan memindahkan wang mereka dalam bentuk tunai kepada bon (simpanan dan pelaburan) sebaik sahaja pegangan wang mereka semakin bertambah. (Dornbusch & Fischer, 1989)

Menurut al-Zuhayli (2016), kadar faedah perbankan termasuk dalam kategori riba *al-Nasi'ah* dan ia sebenarnya telah diketahui umum. Secara amalannya pihak institusi kewangan atau bank akan memberikan bantuan modal atau pinjaman wang dengan tujuan untuk mengambil faedah berdasarkan kiraan tahunan atau bulanan seperti tujuh (7%), lima (5%) atau dua setengah (2.5%) peratus. Sebenarnya amalan ini termasuk dalam erti kata memakan (mengambil) harta orang lain secara tidak sah dan kesan-kesan kemudaratan dari amalan riba berlaku dalam urusan ini, bahkan hukum haramnya sama seperti hukum haram riba dan begitu juga dosa yang terhasil darinya. Ia merupakan amalan yang termasuk dalam kategori riba *al-Nasi'ah* berdasarkan firman Allah yang bermaksud "*dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) adalah jumlah pokok asal kamu*". Oleh itu amalan riba yang biasa berlaku dalam masyarakat hari ini adalah dalam bentuk bayaran tambahan yang dikenakan kerana penangguhan masa dan ia merupakan riba *al-Nasi'ah* sebagaimana yang telah diamalkan oleh masyarakat jahiliah pada masa dahulu.

Merujuk kepada pelaksanaan operasi institusi perbankan konvensional 'Abd al-Maḥṣūd (seperti nukilan al-Makkiy, 1992) menyatakan, menurut *al-Mu'jam al-Wasīṭ* definisi bank adalah "institusi yang menjalankan operasi perbankan dan kewangan dengan cara memberikan pinjaman dan mengambil pinjaman (simpanan)" dan menurut ensiklopedia bahasa Arab perkataan institusi kewangan atau bank adalah perkataan umum yang bermaksud institusi yang menjuruskan operasi perniagaannya untuk mendapatkan pinjaman dan memberikan pinjaman wang.

Menurut Muhammad Hāsyim (seperti nukilan al-Makkiy, 1992), bank boleh ditakrifkan sebagai institusi yang akan menerima simpanan dari individu atau organisasi apabila permohonan dibuat untuk jangka masa tertentu, kemudian pihak institusi akan menggunakan simpanan ini dengan memberikan pinjaman atau hutang kepada pihak lain. Seterusnya 'Isā 'Uways (seperti nukilan al-Makkiy, 1992) berkata, secara keseluruhannya fungsi utama institusi perbankan dalam konteks masyarakat moden hari ini adalah untuk mendapatkan pinjaman supaya ia boleh memberikan pinjaman kepada pihak lain. Oleh itu apa yang boleh diperkatakan sebagai kesimpulan dari amalan yang berlaku di institusi perbankan adalah, semua urusan kewangan yang dilaksanakannya berasaskan ketentuan kadar faedah.

Kadar faedah ini akan diberikan kepada pihak yang menyimpan wang, iaitu pihak yang memberi pinjaman kepada pihak bank dan kadar faedah juga akan dikenakan kepada pihak yang meminjam dari bank tersebut. Dalam hal ini pihak bank dari segi amalannya merupakan pembayar kadar faedah dalam urusan simpanan atau pelaburan dan sebagai penerima bayaran kadar faedah



dalam urusanniaga pinjaman atau hutang. Dari sudut yang lain pula, pihak bank akan memberikan pinjaman dengan mengenakan kadar faedah walaupun kadang kala wang tersebut tidak dimilikinya apabila ia menyediakan pembiayaan yang melebihi jumlah simpanan yang ada kerana kepercayaan masyarakat terhadap bank tersebut. Sekiranya timbul pertanyaan mengenai cara pembayaran pembiayaan tersebut, maka sebagai jawabannya pihak bank akan menyatakan bahawa ia tidak membuat bayaran dalam bentuk tunai, tetapi pihak bank akan memberikan jaminan kewangan.

Kesan dari apa yang diamalkan, pihak institusi perbankan memperoleh hasil faedah yang jumlahnya berlipat ganda dan fenomena ini adalah sama dengan amalan riba *al-jāhiliyyah* kerana institusi perbankan memberikan pinjaman dengan mengenakan kadar faedah walaupun wang tersebut tidak wujud dalam simpanannya atau ia tidak memilikinya, bahkan wang tersebut sememangnya tidak wujud secara realitinya.

Secara perbandingannya, amalan riba yang berlaku di sepanjang zaman menyamai kadar faedah perbankan konvensional kerana persamaan kaedah dan bentuk pelaksanaannya. Kedua-duanya melibatkan urusanniaga hutang atau pinjaman wang dan penentuan kadar faedah (riba) yang perlu dibayar boleh ditentukan pada awal kontrak pada kadar yang tetap atau boleh berubah-ubah di sepanjang tempoh hutang tersebut. Kelewatan membuat pembayaran balik pinjaman melebihi tempoh yang telah ditetapkan akan dikenakan caj sebagai tambahan kepada kadar faedah asal yang telah dipersetujui. Pihak penghutang juga boleh memohon untuk melanjutkan tempoh pembayaran semula hutang dan perlanjutan tersebut akan menjadikan jumlah hutang asal turut bertambah. Selain dari itu, institusi perbankan konvensional juga memberikan kadar faedah kepada pendeposit walaupun secara amalannya ia tidak berlaku di zaman jahiliah kerana mereka hanya memberikan jaminan ke atas deposit tersebut. Seterusnya dalam kes-kes tertentu, urusanniaga hutang (pinjaman wang) ini dilaksanakan dengan pihak pemiutang mengenakan syarat cagaran atau jaminan sebagai satu pendekatan yang membolehkan jumlah hutang tersebut diperolehi semula oleh pihak pemiutang. Sila rujuk jadual 3 berikut bagi mendapatkan gambaran perbandingan berkaitan amalan riba *al-Jāhiliyyah* dan amalan kadar faedah perbankan konvensional sebagaimana yang telah dibincangkan sebelumnya.

Jadual 3: Perbandingan riba dan kadar faedah perbankan konvensional

| <b>Bil</b> | <b>Riba <i>al-Jāhiliyyah</i></b>   | <b>Kadar Faedah Perbankan Konvensional</b>   |
|------------|--|--|
| 1          | Amalan riba <i>al-Jāhiliyyah</i> dipelopori oleh individu-individu kaya yang berfungsi sebagai penyedia perkhidmatan kewangan yang menerima deposit dan menyediakan kemudahan pinjaman wang. | Perbankan konvensional merupakan satu sistem yang berteraskan kadar faedah. Ia terdiri daripada rangkaian institusi yang menawarkan pelbagai produk kewangan dalam bentuk deposit, pinjaman dan perkhidmatan kewangan. |
| 2          | Pengamalan riba <i>al-Jāhiliyyah</i> berlaku dalam urusanniaga pinjaman wang atau hutang untuk pembelian barangan  | Kadar faedah dikenakan atas pinjaman wang atau pinjaman untuk kemudahan pembelian aset kewangan atau aset lain seperti rumah   |
| 3          | Bayaran tambahan (riba) yang dikenakan pada kadar tetap sebagaimana yang telah dipersetujui di awal kontrak tersebut   | Kadar faedah yang dikenakan adalah pada kadar tetap atau ia boleh berubah-ubah mengikut perubahan <i>BLR</i> <sup>2</sup>  |
| 4          | Bayaran tambahan (riba) akan dikenakan kepada penghutang atas kelewatan atau perlanjutan tempoh pembayaran semula hutang hingga boleh menjadikan jumlah hutang asal berganda-ganda           | Kadar faedah tambahan akan dikenakan kepada penghutang sebagai caj kelewatan atau faedah tambahan kerana perlanjutan tempoh pembayaran semula hutang hingga boleh menjadikan jumlah hutang asal berganda-ganda         |
| 5          | Pelaksanaan urusanniaga deposit simpanan wang di zaman jahiliah hanya memberikan jaminan keselamatan wang dan tidak menjanjikan pemberian sebarang faedah                                    | Institusi perbankan konvensional bukan sahaja memberikan jaminan keselamatan wang pendeposit tetapi menjanjikan pemberian faedah pada kadar yang telah ditetapkan  |
| 6          | Pelaksanaan urusanniaga pinjaman wang di zaman jahiliah berasaskan jumlah wang sebenar yang dipegang oleh mereka kerana urusanniaga hanya  | Institusi perbankan konvensional mempunyai kaedah khusus dalam menentukan jumlah pinjaman yang boleh ditawarkan berdasarkan peratus nisbah   |

<sup>2</sup> *BLR (Based Lending Rate)* adalah kadar pinjaman asas iaitu kadar faedah asas yang menjadi rujukan sesebuah institusi perbankan sebelum membuat keputusan berkaitan kadar faedah yang akan dikenakan.

|   |  |  |
|---|--|--|
|   | boleh dilaksanakan dengan kewujudan wang secara fizikal  | kecairan yang dimiliki dan tidak semestinya merujuk kepada pemilikan fizikal   |
| 7 | Jaminan atau cagaran diperlukan bagi membolehkan pinjaman diberikan dalam kes-kes tertentu sebagai langkah keselamatan terhadap pembayaran semula hutang | Institusi perbankan konvensional dalam kes-kes tertentu meminta jaminan atau cagaran sebagai satu langkah pencegahan bagi membolehkan jumlah hutang tersebut diperolehi semula |

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya berdasarkan perbincangan yang telah dikemukakan, jelas menunjukkan bahawa riba sememangnya telah diharamkan oleh al-Qur'an. Seterusnya persoalan berkaitan riba semasa pada waktu ini dikaitkan secara langsung dengan amalan semasa kadar faedah di institusi kewangan dan perbankan konvensional. Selain dari itu, huraian berkaitan konsep riba telah dapat memberikan gambaran yang jelas bagaimana ia diamalkan dalam sistem perbankan konvensional melalui produk-produk yang ditawarkan khususnya yang melibatkan urusan hutang (pinjaman). Oleh itu, konsep riba ini perlu difahami dengan jelas merujuk kepada produk-produk yang ditawarkan melalui penggunaan pelbagai instrumen kewangan sebagaimana dalam amalan kewangan dan perbankan konvensional. Kefahaman ini akan dapat membantu untuk mengenal pasti pendekatan-pendekatan yang dilaksanakan dalam urusan pinjaman dan mekanisme yang digunakan untuk menentukan kadar faedah yang dikenakan dalam urusan tersebut.

## RUJUKAN

- Abū al-'Abbās Ahmad Syihāb al-Dīn ibn Muhammad ibn Hajar al-Haytamiy (2016). *al-Zawājir 'an Iqtirāb al-Kabā'ir*, Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- 'Abd al-Rahmān ibn 'Aliy al-Jawziy (2014), *Zād al-Masīr fī 'Ilm al-Tafsīr*, Beirut:al-Maktab al-Islamiy.
- 'Abd al-Rahmān ibn Nāsir al-Sa'diy (2014), *Taysīr al-Karīm al-Rahmān fī Tafsīr Kalām al-Mannān*, Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Abū al-Barakāt 'Abd Allah al-Nasafiy (2016), *Tafsīr al-Nasafiy*, Beirut: Dār al-Fikr.
- Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad ibn Makram ibn Manzūr (2017), *Lisān al-'Arab*, Beirut: Dār al-Ṣādir.
- Abū al-Fidā' Ismā'īl ibn Kathīr (2015), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, Beirut: Dār al-Jayl.
- Abū Ja'far Muḥammad ibn Jarīr al-Ṭabariy (2015), *Jāmi' al-Bayān fī Tafsīr al-Qur'ān*, Damsiyq: Dār al-Fajr al-Islāmiy.
- Ab Mumin Ab Ghani (1996), "Sejarah Perkembangan Riba dalam Tamadun Manusia" Jurnal Syariah, Jil.4 Bil.1, Januari 1996.
- Ab Mumin Ab Ghani (1995), "Riba dalam al-Qur'an" Jurnal Syariah. Jil.3 Bil2, Julai 1995.
- Ahmad Sonhadji Mohamad (1990). *Tafsīr al-Qur'ān 'Abr al-Athīr*, Kuala Lumpur: Pustaka al-Mizan.
- Fuad Afram al-Bustāniy (2016), *Munjid al-Ṭullāb*, Beirut: Dar al-Mashriq.
- Ismā'īl Haqqiy al-Barūsawiy (2017), *Tafsīr Rūh al-Bayān*, Beirut: Dār al-Fikr.
- Jalāl al-Dīn Abū Muḥammad ibn Ahmad al-Mahalliy dan Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān ibn Abū Bakr al-Suyūtiy (2014), *Tafsīr al-Jalālayn*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Karl E. Case & Ray C. Fair (1994). *Principles of Economics*, New Jersey: Prentice Hall.
- Mohamad Ismail Mohamad Yunus (2012). *Transaksi dalam Sistem Muamalat di Malaysia*, Kuala Lumpur: Open University of Malaysia.
- Muḥammad 'Abd al-'Azīm al-Zarqāniy (2016), *Manāhil al-'Irfān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muḥammad 'Aliy al-Ṣābūniy (2016), *Ṣafwat al-Tafāsīr*, Qahirah: Dār al-Ṣābūniy.
- Muḥammad 'Āliy al-Ṣābūniy (2015), *Rawā'i al-Bayān Tafsīr Āyāt Ahkām min al-Qur'ān*, Qahirah: Dār al-Bayān al-'Arabiyy.
- Muḥammad Ḥasan al-Ḥamsiy (2016), *Qur'ān Karīm Tafsīr wa Bayān*. Damsiyq: Dār al-Rasyīd.

- Muhammad ibn Yūsuf Abu Ḥayyān al-Andalūsiy (2013), *Tafsīr al-Bahr al-Muḥīt*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Muhammad Nūr al-Dīn Marbuw Banjar al-Makkīy, (1993) *al-Majāl al-Iqtisādiy fi al-Islām*. Qahirah: Dār al-Haqīqah li al-ʿIlam al-Dawlīy.
- Muhammad Rasyīd Riḍā (2016), *al-Ribā wa al-Muʿāmalah fi al-Islām*. Beirut: Dār Ibn Zaydūn.
- Rodiger Dornbusch & Stanley Fischer (1989). *Ekonomi Makro (terjemahan)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roy J. Ruffin & Paul R. Gregory (1996). *Principles of Economics*, New York: Addison-Wesley.
- Siti Rohani Yahya (1988). *Konsep Asas Ekonomi*, c.2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sudin Haron (1996), *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Wahbah al-Zuḥayliy (2014), *Tafsīr al-Munīr*, Damsyiq: Dār al-Fikr.
- Wahbah al-Zuḥayliy (2016) *al-Fiqh al-Islāmiy wa Adillatuh*. Damsyiq: Dār al-Fikr.